



Abd Razak Hussein

# Memberi erti sebuah universiti

**B**agi kita, lapan kilometer tidaklah jauh, walaupun melalui jalan yang belum diturap dengan aspal. Apatah lagi berkereta. Namun, bagi sebahagian murid yang tinggal di perkampungan berhampiran Sungai Johor, untuk ke sekolah, jarak itu begitu jauh. Lapan kilometer antara rumah mereka ke Sekolah Kebangsaan Nam Heng (SKNH) Kota Tinggi, sudah biasa ditempuh walaupun sukar.

Itulah rutin mereka setiap pagi dan petang berulang-alik dari rumah ke sekolah menjana ilmu pengetahuan. Pada petang 27 Mac 2016, saya sengaja menyelami kesukaran itu dan meminta guru SKNH menunjuk arah ke rumah murid berkenaan.

Mereka dihantar dan diambil oleh bapa masing-masing dengan motosikal. Jalan yang dilalui ada kalanya amat mencabar. Jalan tanah yang berdebu pada waktu panas, becak dan licin pula pada waktu hujan, adalah liku perjalanan anak-anak kecil itu. Apabila tayar motosikal bocor tidak dapatlah mereka hadir di sekolah.

Melihat keadaan rumah anak-anak itu yang turut tidak memiliki air paip dan lampu elektrik, cukup menginsafkan saya bahawa di bumi Malaysia yang makmur ini, masih ada golongan terpinggir yang tidak memiliki keperluan asas. Namun, wakil rakyat dan pemimpin kampung terus memberi bantuan termasuk membekalkan bahan membina rumah.

Rumah dua orang lagi murid yang dijengah, kelihatan kecil dan tidak selesa untuk pembelajaran. Atas semangat tinggi untuk belajar, saya difahamkan dia dan adik perempuannya menjadikan kabin kontena di sebelah rumah, kepunyaan syarikat yang mengusahakan pemunggaan pasir, sebagai tempat belajar.

Saya turut singgah di rumah seorang murid perempuan tahun satu di kampung berbeza. Dalam usia tujuh tahun, dia sudah punya cita-cita tinggi menjadi seorang doktor. Ini mengagumkan saya. Keadaan rumahnya lebih baik sedikit daripada yang dijengah sebelum ini. Walaupun tergambar kemiskinan keluarganya, namun murid ini masih boleh menikmati bekalan air paip dan elektrik.

Paparan ini adalah wajah sebahagian realiti kehidupan rakyat di negara ini. Masih ramai rupanya yang dibelenggu kemiskinan dan

kedaifan walaupun laungan kekayaan dan kemakmuran negara terus didendangkan.

Saya sengaja menjejaki mereka, mendapatkan gambaran sebenar, siapakah murid SKNH, yang diterima sebagai sekolah angkat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak 2015 menerusi Program Tautan Kasih Kembara Ilmu UKM-SKNH. Ternyata sejak program itu dilaksanakan, hasil sinergi guru, staf, PIBG, Pejabat Pendidikan Daerah, Kulim Berhad, alumni sekolah, pelajar UKM dan banyak pihak lain menyaksikan peningkatan memberangsangkan sekurang-kurangnya dalam pencapaian pendidikan murid.

Naib Canselor Prof Noor Azlan Ghazali yang berucap di hadapan guru dan ibu bapa murid pada pagi itu, mencabar Persatuan Mahasiswa Anak Johor UKM dengan persoalan, apabila sekolah ini diiktiraf sebagai sekolah angkat, bagaimana kita menyantuni mereka, memprofil murid dan apakah lagi universiti boleh lakukan?

Profil menyeluruh harus merangkumi antaranya sosio-ekonomi ibu bapa, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, tanggungan dan keadaan tempat tinggal. Bahkan harus ada dalam bank data, murid ini bersarapan apa pada setiap hari, bagaimana keadaan gigi mereka, berapa wang belanja serta bagaimana mereka sampai di sekolah.

Kehadiran Naib Canselor yang tidak disangka-sangka mencetus semangat berkobar-kobar guru, staf, alumni, PIBG dan pelajar UKM untuk melonjakkan sekolah ke tahap yang tidak lagi dipersenda orang.

Azlan mengingatkan lagi, dalam usia UKM 46 tahun, seluruh pekerja dan pelajar tidak harus melupakan sejarah asal usulnya. Barangkali ada nenek moyang murid SKNH penderma kepada Tabung Penubuhan UKM yang diwujudkan pada 1969 sebelum universiti itu didirikan pada Mei 1970. Maka, UKM harus sentiasa memikirkan bagaimana untuk membalas budi masyarakat terbanyak.

Berulang kali mendengar keresahan Azlan, tentang apa ertinya keserjanaan universiti. Kalau hanya bersyarah di kuliah, menjalankan penyelidikan, menulis artikel jurnal dan membenteng kertas kerja di seminar antarabangsa serta membawa gelar yang besar-besar, tetapi masyarakat

tidak dibela, terbiar dalam putaran kemiskinan serta tidak terhijrah dari generasi ke generasi daripada belenggu itu, apa maknanya?

Beliau juga menegaskan, bukan tidak penting menjalankan penyelidikan, menerbit buku dan artikel, berwacana sehingga morah telinga dan mengejar ranking universiti di persada dunia. Semuanya penting dan bererti kerana itulah perwatakan universiti apatah lagi bagi universiti penyelidikan seperti UKM.

Bagaimanapun Azlan bertanya, di mana dampak semuanya itu kepada rakyat dan masyarakat? Apakah mereka merasakan universiti bermakna dalam hidup mereka? Lalu beliau mengajak seluruh warga berfikir, mencari dan merumus, apa ertinya sebuah universiti. Kefahaman awam, universiti sebagai menara gading, sudah tidak relevan lagi. Sebaliknya universiti adalah institusi masyarakat, tempat mereka merujuk, mencari panduan, meletak harapan dan mendapat pimpinan kepakaran dan keserjanaan.

Penulis Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Canselor UKM